

Naib Canselor UMS rasmi mini zoo PPIB

NST 02.08.2012 9

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah pada Isnin merasmikan Mini Zoo Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) sebagai habitat pelbagai spesies haiwan kecil bagi melengkapi laman ceria yang siap dibina setahun lalu.

Dr Mohd Harun ketika meninjau persekitaran habitat kecil itu menyifatkan kewujudan pelbagai haiwan di tempat berkenaan akan lebih mencerahkan lagi persekitaran kampus sebagai pusat menuntut ilmu.

"Kita memerlukan suasana harmoni untuk merangsang langkah maju ke hadapan dan cemerlang," katanya dalam amanat sulung baru-baru ini sambil mengharapkan warga kampus dapat menerapkan konsep Inovatif, Relevan dan Lestari dalam meningkatkan kualiti kerja ke arah penjanaan kecemerlangan UMS.

Turut hadir Pendaftar UMS, Mejar (K) Datuk Abdullah Mohd Said, Dekan PPIB, Lt. Kol (PA) Prof. Madya Dr Ismail Ali, dua timbalan dekan, Dr Anantha Raman Govindasamy dan Wardatul Akmmam Din serta semua staf akademik dan pentadbiran PPIB.

Sementara itu Dr Ismail berkata, laman ceria itu turut menempatkan padang mini golf, gelanggang bola tampar dan sepak takraw yang boleh digunakan oleh warga kampus selepas waktu bekerja. -Oleh **MARRYAN RAZAN**



RASMI...Dr Mohd Harun perasmian mini zoo PPIB sambil diperhatikan Abdullah dan Dr Ismail (kiri).